

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci cadangan Kerajaan untuk menggabungkan '*consolidate*' bantuan tunai langsung kepada rakyat seperti Bantuan Sara Hidup, *Wage Subsidy Programme*, dan Geran Khas Prihatin 2.0 dalam Pakej KITA PRIHATIN menjadi '*automatic stabiliser*'. Bagaimanakah Kerajaan memastikan ianya betul-betul sampai kepada mereka yang terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN) bernilai RM10 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 September 2020 lalu merupakan pakej rangsangan ekonomi Ke-4 yang diumumkan Kerajaan selepas PRIHATIN, PRIHATIN PKS+ dan PENJANA, menjadikan jumlah keseluruhan pakej rangsangan sebanyak RM305 billion atau 21% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

KITA PRIHATIN mempunyai objektif jelas iaitu mengurangkan beban rakyat, mengekalkan pekerjaan dan membantu perniagaan. Ia merangkumi inisiatif berikut:

1. Pertama, Geran Khas Prihatin atau GKP bagi Pembukaan Semula

- a. Dengan peruntukan sebanyak **RM600 juta**, GKP dianggarkan akan memanfaatkan sebanyak **200,000 PKS mikro**. Permohonan GKP dibuka semula untuk PKS mikro yang tidak sempat memohon sebelum ini dan bertujuan untuk memulakan semula perniagaan dan mengurangkan beban aliran tunai mereka.

b) Kedua, Program Subsidi Upah 2.0

- a. Di bawah inisiatif ini, peruntukan sejumlah **RM2.4 bilion** akan disediakan. Dijangkakan inisiatif ini akan memanfaatkan seramai **160,000 majikan** dan **2.4 juta pekerja**, selama 3 bulan (atau 6 bulan bagi permohonan baharu).

c) Ketiga, Bantuan Prihatin Nasional 2.0

- a. Di bawah BPN2.0, sejumlah **RM7 bilion** telah diperuntukkan bagi membantu seramai **10.6 juta penerima** isi rumah dan

bujang dari golongan B40 dan M40. Ini menjadikan keseluruhan BPN melebihi RM18 bilion. Pembayaran BPN 2.0 akan disalurkan secara automatik, mengikut senarai penerima BPN terdahulu. Permohonan baharu juga akan dibuka bagi yang tidak menerima bantuan sebelum ini mulai 15 Oktober 2020 sehingga 15 November 2020.

Bagi memastikan semua program rangsangan ekonomi dilaksanakan dengan pantas dan memanfaatkan golongan sasar secara berkesan, sebuah Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional atau LAKSANA telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan. Kemajuan pelaksanaan program dan inisiatif pakej ransangan telah dilaporkan setiap minggu oleh saya sendiri.

Di samping itu, survei dan lawatan turun ke padang juga dijalankan bagi mendapat maklum balas terus dari penerima bantuan khususnya dan rakyat amnya untuk tujuan penambahbaikan inisiatif akan datang. Yang Berhormat dijemput untuk melayari laman web Kementerian Kewangan untuk mendapatkan laporan mengenai perkembangan terkini pelaksanaan pakej-pakej rangsangan berkenaan.

Sekian, terima kasih.